

SH 1/8/2019 m/s 14

## 'Sudah lama kami tunggu'

### KUALA TERENGGANU

- Persatuan Nelayan Negeri Terengganu (Penentu) menyambut baik langkah kerajaan yang mahu mengikut jejak langkah Indonesia untuk memusnahkan bot nelayan asing yang didapati menceroboh perairan negara.

Pengerusinya, Mat Yassim Mohamed berkata, khabar gembira itu sudah lama dinantikan kerana pencerobahan nelayan asing bagaikan tidak dapat dibendung lagi.

Menurutnya, nelayan asing khususnya dari Vietnam tidak pernah serik, malah semakin berani menceroboh perairan negara dan mengaut hasil laut sewenang-wenangnya.

"Ia memang berita gembira buat semua, bukan sahaja kepada nelayan tempatan. Kita sudah tidak dapat berikan kelonggaran buat mereka, jika dibiarkan mereka akan terus berleluasa.

"Saya lihat pemusnahan bot nelayan asing ini adalah mekanisme terbaik dalam usaha mengurangkan pencerobahan nelayan asing apabila undang-undang maritim negara diperketatkan," katanya kepada *Sinar Harian* di

ISU BOT  
MUSNAH  
ASING

sini semalam.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, perkara itu akan dilaksanakan kementerianya dalam masa terdekat dan berjanji akan menjadi lebih tegas menangani masalah pencerobahan nelayan asing.



MAT YASSIM

Mengulas lanjut, Mat Yassim berkata, selain memusnahkan bot nelayan asing, bot yang dirampas itu juga boleh dijadikan tukun tiruan bagi meningkatkan sumber perikanan terutama di kawasan pesisiran pantai.

Sementara itu di Perak, Pengerusi Persatuan Nelayan Matang, Beh Swe

Koon berkata, aktiviti pencerobahan bot nelayan asing di perairan negeri itu tidak serius jika dibandingkan dengan nelayan dari kawasan perairan Pantai Timur Malaysia.

Namun, katanya, usaha kerajaan menangani pencerobahan bot nelayan asing di perairan negara tetap disambut baik dan berharap ia dapat mengurangkan persaingan mendapatkan sumber perikanan dalam kalangan nelayan tempatan.